

PM: Globalisasi mungkin senasib komunisme

13 NOV 1999

Daripada

SUHAIMI MOKHTAR

DURBAN, (Afrika Selatan) 12 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, globalisasi dan liberalisasi yang bakal mengurus dunia pada alaf baru, berkemungkinan menerima nasib seperti sosialisme dan komunisme.

"Negara-negara maju beranggapan globalisasi dan liberalisasi adalah jawapan kepada semua penyakit ekonomi dan kewangan dunia seperti juga yang mereka kata kepada sosialisme dan komunisme dahulu," kata Perdana Menteri melalui teks ucapannya yang diendahkan pada Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini, hari ini.

Beliau berkata, seperti globalisasi dan liberalisasi, ramai di antara kita secara bersungguh-sungguh diajak meyakini kepercayaan kepada komunisme dan sosialisme tetapi selepas percubaan berdekad-dekad dengan bersungguh-sungguh yang memakan korban penderi-

taan manusia oleh mereka yang meyakinkannya, mereka tidak lagi melaluinya.

"Kini mereka mahu kita menerima alaf baru yang mereka anggap menjawab. Bolehkah kita yakin selepas beberapa dekad mereka tidak mungkin sekali lagi membuang penyelesaian sebegini kerana memilih rawatan yang lebih baru," kata Dr. Mahathir dalam teks yang diedarkan sebagai menjawab ucapan Presiden Afrika Selatan yang berucap sebagai tuan rumah di pembukaan rasmi CHOGM.

Perdana Menteri berkata, sekarang kita mesti bertanya diri kita sendiri sebelum kita menelan pil baru globalisasi dan liberalisasi.

Sesuatu sistem, tambah Dr. Mahathir, tidak hanya baik dengan sendirinya, ia hanya baik jika ia dapat harapan hasil kepada kita, bukan kepada mereka yang begitu bersungguh-sungguh mahu melaksanakannya.

Upacara perasmian yang dilakukan secara tradisi dengan penuh warna-warni oleh Ratu Elizabeth II dari Britain menyaksikan kehadiran anggota penuh yang

baru negara Naurus, di samping kepulauan negara Nigeria dalam Komanwel dan penggantungan Pakistan dari pertubuhan itu.

Teks Perdana Menteri menyebut tentang pengalaman Malaysia mengatasi masalah ekonomi dan kewangan yang menyerang negara melalui cara situasi berbeza memerlukan penyelesaian berbeza.

Berpatutan

Tidak satu ubat sahaja yang menyembuhkan semua penyakit. Negara mesti diberi peluang untuk bertindak sebagaimana yang mereka fikirkan berpatutan dalam suasana yang terdapat bagi mencapai matlamat mereka sendiri.

"Negara perlu dibenarkan untuk membuat keputusan yang menyetujui soal nasional dan masyarakat mereka."

Menurut Dr. Mahathir, mereka wajar dibenarkan untuk merangka jalan yang halal serta produktif untuk mencapai matlamatnya. Mereka janganlah diarahkan.

Perdana Menteri berkata,

pengalaman Malaysia memperlihatkan bahawa setiap masalah tetap ada penyelesaian alternatif terhadapnya.

Beliau memberitahu masyarakat CHOGM bahawa ekonomi Malaysia sedang berada di landasan terbaik kearah pemulihan kerana Malaysia tidak berhutang dengan IMF.

Ini telah menyelamatkan generasi akan datang membayar khidmat hutang besar.

Dr. Mahathir berkata, masyarakat di sini berlangsung bersempena pula dengan ulang tahun ke-50 Komanwel ketika negara berada di persimpangan jalan dalam sejarah.

Ia berlangsung ketika perbincangan besar mengenai globalisasi sedang sampai ke puncaknya, bahkan ia berlangsung di samping sidang Seattle mengenai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang sedang mengenakan tekanan untuk mengadakan satu lagi pusingan perundingan untuk meliberalisasikan perdagangan.

"Kerana itu adalah sesuai

CHOGM memilih tema masyarakatnya mengenai cabaran globalisasi," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, negara-negara membangun akan diberi syarahan di sidang Seattle bahawa dunia mesti tanpa sempadan, modal, barangan dan perkhidmatan mesti bergerak bebas antara negara.

Negara-negara membangun akan diberitahu bahawa tidak ada diskriminasi cukai bagi melindungi industri tempatan atau hasil produk.

Produk tempatan menurut mereka, tambah Dr. Mahathir mesti bersaing setara dengan produk yang diimport. Bank tempatan dan industri bersaing dengan bank dan industri luar negara.

Tidak ada syarat diletakkan terhadap bank dan perniagaan luar mahu menjalankan operasinya.

Mereka perlu diberi status nasional seperti yang diberi kepada perniagaan tempatan, tambahnya. — Utusan